Forum Kewangan Islam Global 5.0
'Masa Depan Kewangan Islam: Melaksanakan Tindakan Hari Ini untuk Kelestarian Hari Esok'
Kuala Lumpur, 11 Mei 2016

Ucaptama oleh

Datuk Muhammad bin Ibrahim
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya amat berbesar hati kerana berpeluang menyampaikan ucapan di Forum Kewangan Islam Global 2016 ini. Sejak idea penganjuran forum ini dicadangkan pada tahun 2007, forum ini kini menjadi acara unggul industri kewangan Islam – kerana ia mempertemukan para cendekiawan dan peneraju industri untuk mengupas isu-isu, peluang dan keperluan yang membentuk kewangan Islam hari ini dan hala tuju masa depannya. Hakikat bahawa forum ini telah menarik lebih seribu peserta dari seluruh dunia jelas membuktikan peranan kewangan Islam yang semakin penting di persada dunia.

Hari ini, kewangan Islam merupakan salah satu segmen yang paling pantas pertumbuhannya dalam industri kewangan di banyak negara di dunia. Kewangan Islam mencatat kadar pertumbuhan dua angka dalam dekad yang lalu, meskipun persekitaran global sangat mencabar. Jangkauan dan pengaruh industri ini telah berkembang hingga melangkaui pasaran Islam tradisional, dengan kewangan Islam semakin kuat bertapak dalam pasaran perbankan, takaful dan modal. Contohnya, terbitan sukuk global meningkat 13% pada suku pertama tahun ini meskipun keadaan pasaran yang kurang menggalakkan. Pertumbuhan positif ini terus disokong oleh pembangunan progresif infrastruktur pasaran, rangka kerja pengawalseliaan dan pengawasan yang diperkukuh serta peserta industri yang aktif. Dalam sekurang-kurangnya 10 buah negara, perbankan Islam kini mencakupi lebih 20% daripada jumlah aset perbankan – pencapaian dalam tempoh kurang dari sedekad.

Sementara itu, dalam banyak negara lain di dunia, perkhidmatan kewangan Islam kini disediakan seiring dengan perkhidmatan kewangan konvensional. Perkembangan ini menunjukkan trend yang jelas dan mampan bahawa produk dan perkhidmatan kewangan berlandaskan Syariah terus mendapat tempat dalam kalangan perniagaan dan individu daripada pelbagai latar belakang.

Malah, tawaran nilai kewangan Islam telah menjangkaui kepercayaan dan originasinya yang lantas menarik minat masyarakat global. Ciri-ciri intrinsik kewangan Islam yang pelbagai telah berjaya menarik minat golongan daripada pelbagai latar belakang. Teras kewangan Islam ialah nilai-nilai murni yang merangkumi aspek moral dan komersial dalam menghasilkan penyelesaian potensi untuk kestabilan ekonomi dan kewangan. Nilai-nilai dan prinsip-prinsip yang didukung oleh kewangan Islam telah membuka laluan baharu ke arah mencapai kesejahteraan ekonomi sambil memelihara kepentingan awam. Apa yang dahulunya idea baharu kini menjadi sebahagian daripada perkara lazim dalam arus perdana. Malah, kewangan Islam adalah untuk semua.

Di Malaysia, usaha-usaha yang diterajui oleh Bank Negara untuk membangunkan kewangan Islam telah bermula sejak lebih tiga dekad yang lalu. Sumbangan yang amat besar daripada Gabenor-gabenor Bank Negara terdahulu telah meletakkan asas bagi pembangunan pusat kewangan Islam antarabangsa di sini, untuk memenuhi

permintaan global dan domestik. Kepimpinan berwawasan mereka dalam mengerakkan usaha ini bukan sahaja telah memastikan asas-asas kita kukuh, bahkan berjaya mengangkat profil kewangan Islam di persada global, dengan Malaysia dilihat sebagai negara contoh yang gigih menggalakkan pembangunan kewangan Islam untuk negara-negara lain. Pada awal tahun 1980-an, Gabenor Abdul Aziz Taha meletakkan asas penubuhan bank Islam yang pertama di negara ini dan terbitan sukuk kerajaan buat julung kalinya. Sistem dwikewangan (dual) di Malaysia hari ini ialah hasil visi yang diilhamkan oleh Gabenor Jaffar Hussein sejak tahun 1990 lagi. Sejak itu, kita terus mencapai kemajuan dalam pelbagai aspek, termasuk penubuhan Majlis Penasihat Syariah semasa kepimpinan Gabenor Ahmad Don. Pencapaian-pencapaian besar telah dicatat semasa Gabenor Zeti menerajui Bank Negara. Dalam tempoh tersebut, kewangan Islam berkembang daripada sebuah segmen kebitaraan (niche segment) kepada sistem kewangan arus perdana, dan daripada segmen yang bertumpukan domestik kepada segmen yang relevan pada peringkat dunia. Khususnya, sumbangan besar Gabenor Zeti telah membolehkan kita mara lebih jauh untuk memperluas sempadan kewangan Islam sebagai sebuah komuniti global.

Saya ingin mengambil peluang pada hari ini untuk mengiktiraf sumbangan yang besar kesemua mereka. Melangkah ke hadapan, Bank akan terus memperkukuh asas-asas tersebut dengan membuat penambahbaikan yang akan terus memperkukuh trajektori pertumbuhan kewangan Islam.

Sama seperti usaha pada masa lalu yang banyak membantu pertumbuhan kukuh industri ini selain meningkatkan dengan nyata potensi kewangan Islam untuk pertumbuhan akan datang, tindakan kita hari ini akan banyak menentukan prospek kewangan Islam masa hadapan. Seperti langkah sebelum ini, kita terus memerlukan penyelesaian yang inovatif dan strategi kerjasama untuk menaikkan kewangan Islam ke tahap pembangunan seterusnya. Transformasi positif yang sedang berlaku di sekeliling kita akan terus membuka laluan bagi peluang pertumbuhan baharu industri ini. Kita perlu sama-sama memahami perkembangan ini dan memanfaatkannya untuk mencapai matlamat ekonomi dan sosial serta mengurus risiko yang berbangkit.

Hari ini, saya ingin menyentuh tiga isu penting iaitu kebangkitan *fintech* dan impaknya ke atas kewangan Islam; peranan lebih penting yang dimainkan kewangan yang bertanggungjawab, inklusif dan mampan; dan prasyarat yang perlu untuk mengekalkan sistem kewangan berasaskan nilai.

Salah satu perkembangan transformasi yang penting dalam era kita ini ialah revolusi teknologi. Lebih khusus, revolusi *fintech* berbangkit ekoran teknologi sosial, mudah alih dan *cloud* yang semakin maju. Revolusi digital dan penembusan aplikasi didorong teknologi yang meluas dalam hampir setiap segmen sektor kewangan telah pun berlaku. Inovasi *fintech* merupakan elemen penting yang telah mengubah cara kita menghasilkan dan menyampaikan produk dan perkhidmatan kewangan. Menurut laporan McKinsey baru-baru ini, jumlah syarikat permulaan *fintech* di seluruh dunia kini melebihi 2,000, lebih dua kali bilangannya kurang setahun yang lalu. Pertumbuhan ini dijangka berterusan memandangkan mereka yang membuat inovasi akan terus berusaha memenuhi pilihan jutaan golongan muda pintar teknologi yang lebih mudah menerima cara baharu menggunakan perkhidmatan kewangan.

Kemunculan *fintech* telah menjadi pencabar status quo industri kewangan. Model perniagaan baharu bakal muncul. Saluran penyampaian akan mencabar norma biasa yang sedia ada dan kos transaksi akan dapat dikurangkan. Daripada menganggap revolusi *fintech* sebagai sesuatu yang memudaratkan, institusi kewangan seharusnya melihatnya sebagai suatu peluang.

Dalam bidang perkhidmatan pembayaran misalnya, e-pembayaran telah mengubah mekanisme pembayaran menerusi saluran yang lebih mudah dan senang diakses. Dalam kewangan Islam, satu inisiatif baharu di

Malaysia ialah Platform Akaun Pelaburan (Investment Account Platform, IAP) yang dilancarkan pada bulan Februari yang lalu. Ini merupakan contoh penting strategi kerjasama industri untuk menyuntik inovasi serba baharu ke dalam pasaran. IAP merupakan platform pertama perbankan Islam berasaskan Internet yang menjadi pengantara yang menggabungkan kepakaran bank-bank Islam dan kecekapan teknologi untuk menyalurkan dana daripada pelabur kepada usaha niaga ekonomi yang berdaya maju. Ia juga menggalakkan transaksi kewangan perkongsian risiko dengan menyediakan platform pembiayaan ekuiti berasaskan Musyarakah dan Mudharabah. Platform ini mempunyai potensi yang kukuh untuk menyokong pelaburan merentas sempadan dan meningkatkan kesalinghubungan global menerusi penyertaan bank-bank di seluruh dunia.

Kesan yang mungkin timbul daripada kejutan teknologi sedemikian adalah besar. Dijangkakan antara 10% hingga 40% daripada pendapatan perbankan keseluruhan mungkin berdepan risiko menjelang tahun 2025 disebabkan oleh inovasi *fintech* di luar institusi perbankan yang boleh membawa kepada kelebihan dari segi penentuan harga yang nyata. Dalam kewangan Islam, seperti juga IAP di Malaysia, *fintech* berpotensi besar untuk menjadi pengubah strategi (game changer). *Fintech* menawarkan peluang kepada peserta industri untuk mengubah model operasi mereka secara menyeluruh dengan menerapkan strategi digital yang dapat menyampaikan produk dalam skala yang jauh lebih besar atau sebagai alternatif bagi tahap pengkhususan yang tinggi. Peluang baharu juga terbuka untuk meningkatkan kecekapan, mengurangkan pembaziran dan memperkaya pengalaman pelanggan. Kesemua ini boleh menjadikan kedudukan pasaran dan prestasi kewangan lebih kukuh.

Dalam meneruskan usaha mencari dan memanfaatkan peluang-peluang tersebut, perancangan sedang dibuat untuk menganjurkan buat julung kalinya Simposium Kewangan Islam Mengenai Inovasi yang akan menyediakan platform bagi ahli akademik dan peserta industri untuk sama-sama membangunkan dan menguji idea baharu dan penyelesaian inovatif dalam kewangan Islam. Di pihaknya, Bank Negara Malaysia telah giat mengadakan interaksi dan perbincangan dengan syarikat *fintech* untuk lebih memahami aktiviti mereka dan memberikan panduan mengenai peraturan yang mungkin terpakai bagi mereka. Jelas bahawa penggunaan *fintech* bukan tanpa risiko, terutamanya dalam keadaan ancaman keselamatan siber yang semakin meningkat, yang mungkin menjejaskan pelindung aset kewangan dan data pelanggan. Bank telah membuat kajian semula terhadap perubahan tersebut dan memberikan panduan tambahan yang diperlukan untuk memastikan rangka kerja pengawalseliaan adalah memadai untuk menguruskan risiko, di samping menggalakkan inovasi produktif yang akan mengurangkan kos dan menjadikan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan lebih baik.

Kami melihat perkembangan ini dari beberapa perspektif; pertama, impak strategi *fintech* ke atas pengurusan risiko oleh institusi kewangan; kedua, kemungkinan syarikat permulaan *fintech* menimbulkan risiko baharu terhadap seluruh sistem kewangan disebabkan oleh arbitraj pengawalseliaan; dan ketiga, kesannya kepada para pelanggan. Kami akan menyediakan lebih banyak maklumat kepada pasaran mengenai pendekatan kami berhubung dengan pengawalan terhadap perkembangan *fintech* selaras dengan tahap kajian semula yang telah dibuat. Sementara itu, interaksi dan perbincangan kami dengan firma-firma individu akan diteruskan dengan sokongan sumber-sumber yang khusus di Bank untuk menerajui kajian semula ini.

Satu lagi perkembangan penting dekad ini ialah penekanan yang lebih tinggi terhadap kewangan yang bertanggungjawab, inklusif dan mampan. Krisis kewangan global menyedarkan kita tentang tujuan asas pengantaraan kewangan – sebagai suatu cara mencipta nilai secara berterusan dalam ekonomi benar. Tanpa tunggak ini, kewangan akan sentiasa goyah. Bidang kewangan dalam apa-apa

ekonomi sekalipun turut menekankan tanggungjawab kepada peserta kewangan agar menggalakkan dan menunjukkan tingkah laku yang bertanggungjawab sejajar dengan usaha untuk memelihara dan membangunkan ekonomi, masyarakat dan alam sekitar untuk jangka panjang.

Dalam beberapa pasaran maju, pertimbangan berhubung dengan Pelaburan Mampan, Bertanggungjawab dan Impak (Sustainable, Responsible and Impact Investing, SRI) dan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (Environment, Social and Governance, ESG) semakin giat dilaksanakan.

Trend yang sama juga semakin kerap dilihat dalam pasaran sedang pesat membangun. Kewangan Islam kini berada pada kedudukan yang unik untuk menggerakkan usaha-usaha tersebut dengan dibantu prinsip utama Syariah yang menitikberatkan perlindungan dan pemeliharaan manfaat yang berterusan serta kepentingan untuk seluruh masyarakat. Sebanyak lebih 750 ayat Al-Quran menekankan pentingnya mencapai keseimbangan serta bersederhana dalam kehidupan dan pada masa yang sama terus bertanggungjawab dalam penggunaan sumber-sumber semula jadi. Oleh itu, agenda kewangan Islam perlu meneruskan misi teras ini - misi yang makin mendesak ekoran ketaksamaan ekonomi dan sosial serta kebimbangan terhadap alam sekitar.

Sukuk Pelaburan Tanggungjawab Sosial (SRI) pertama yang diterbitkan pada tahun 2015 merupakan contoh pelaburan berimpak yang menjana hasil sosial yang positif. Terbitan tersebut merintis kepada struktur sukuk yang inovatif, dengan pulangannya bergantung pada prestasi sekolah terpilih yang disokong perolehan daripada pelaburan sukuk. Terbitan lebih banyak sukuk SRI pada masa akan datang akan terus mengukuhkan tawaran nilai kewangan Islam yang menggabungkan pulangan kewangan dan penambahbaikan kebajikan sosial. Satu lagi inovasi penting yang berpotensi besar ialah penciptaan kelas aset kewangan baharu bersandarkan penyelesaian berasaskan kredit karbon (carbon credit-based solution) yang strukturnya menggunakan prinsip kewangan Islam. Idea ini berpotensi besar untuk merangsang tindakan yang konkrit oleh perniagaan untuk mengurangkan pengeluaran karbon. Industri ini perlu mengambil peluang daripada komitmen kerajaan, seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri Malaysia pada 12 April 2016, untuk mempertimbangkan pemberian insentif kepada pembeli kredit karbon hutan tropika Malaysia untuk mendorong pembangunan kelas aset baharu ini.

Untuk jangka masa lebih panjang, prasyarat pertama untuk melestarikan ekosistem kewangan berasaskan nilai ialah menumpukan usaha secara serius untuk menjajarkan pengukuran prestasi dengan mengambil kira hasil ekonomi dan kesan sosialnya.

Di Malaysia, aktiviti kewangan Islam dikawal oleh rangka kerja pengawalseliaan berasaskan kontrak yang komprehensif, yang dirumuskan untuk mencapai pematuhan terhadap Syariah dari mula hingga akhir. Sejajar dengan rangka kerja ini, institusi kewangan Islam dijangka menilai dan mengurus kesan aktiviti mereka, dan bukan sekadar menitikberatkan keuntungan kewangan semata-mata.

Untuk meneruskan peralihan yang lancar, satu cadangan sedang dirumuskan agar institusi kewangan Islam mendedahkan *Corporate Value-Intent* (CVI) mereka sebagai pengukur prestasi dan komitmen mereka dalam penciptaan nilai. Cadangan ini merupakan langkah penting untuk menggalakkan fokus syarikat dan pasaran yang jitu berhubung dengan cara institusi kewangan Islam menjana nilai, bukan sahaja untuk pemegang saham, bahkan untuk masyarakat setempat. Kerjasama yang berterusan serta interaksi dan perbincangan yang giat dengan industri kini sedang berjalan di bawah inisiatif ini. Ini bagi memastikan tingkah laku yang proaktif dan momentum yang berterusan ke arah pembangunan yang mampan.

Satu lagi prasyarat penciptaan nilai jangka panjang yang mampan ialah terdapatnya tenaga mahir terbaik untuk memacu dan

melaksanakan strategi perniagaan inovatif yang mampu merealisasikan sepenuhnya potensi kewangan Islam. Berdasarkan penilaian pasaran, lebih banyak ahli profesional yang berkualiti diperlukan untuk meneruskan pertumbuhan kewangan Islam global yang jumlah saiz asetnya dianggarkan lebih daripada USD3 trilion menjelang tahun 2020. Cabaran untuk memenuhi permintaan ini, bagaimanapun, bukan sekadar dari segi nilainya. Fasa pertumbuhan dan pembangunan kewangan Islam seterusnya memerlukan kumpulan tenaga mahir yang teguh, yang bukan sahaja mempunyai asas yang kukuh dalam aplikasi prinsip kewangan Islam bahkan mempunyai set kemahiran lebih luas yang diperlukan untuk menggunakan aplikasi tersebut secara berkesan untuk menyediakan dan melaksanakan penyelesaian bagi masalah dunia sebenar. Tenaga mahir sedemikian bukan sahaja perlu dibangunkan dalam institusi kewangan Islam, tetapi juga bagi penyedia perkhidmatan sokongan profesional yang merupakan sebahagian daripada ekosistem kewangan Islam.

Di Malaysia, terdapat hampir 40 entiti perkhidmatan profesional sokongan di bawah Komuniti MIFC yang berperanan penting dalam pembangunan kewangan Islam. Entiti-entiti ini menyediakan rangkaian perkhidmatan penting termasuk khidmat nasihat, perakaunan, cukai, penarafan, penyelidikan, akreditasi dan perkhidmatan undang-undang Syariah dengan banyak daripadanya memenuhi permintaan global dan menetapkan penanda aras amalan terbaik antarabangsa. Untuk meningkatkan kesan dan pengaruh kewangan Islam, sama ada dalam konteks domestik atau global, semua komponen utamanya perlu maju ke hadapan bersama-sama untuk menyediakan penyelesaian yang lengkap lagi menyeluruh. Langkah ini juga amat penting untuk mengurangkan risiko yang timbul dalam apa jua usaha niaga yang inovatif memandangkan kemajuan dalam satu aspek tanpa disertai oleh kemajuan dalam aspek lain boleh mendatangkan masalah.

Kesimpulan

Tidak ada masa yang lebih baik bagi pelbagai perkembangan yang berlaku serentak yang menuntut kita mempromosikan nilai-nilai kewangan Islam dalam menangani cabaran semasa yang kita hadapi; isu-isu yang berkaitan dengan ketaksamaan, lebihan kewangan serta kemusnahan dan penurunan kualiti alam sekitar. Untuk mengangkat industri kewangan Islam ke tahap seterusnya, perumusan strategi yang benar-benar baharu perlu mengambil kira elemen yang memanfaatkan teknologi, menggiatkan inovasi dan membangunkan tenaga mahir berketerampilan untuk memenuhi keperluan kewangan Islam masa akan datang. Strategi ini menawarkan peluang penting untuk memperkukuh asas-asas sistem kewangan Islam yang teguh dan berdaya tahan, dan memajukan pembangunannya dan menyumbang ke arah sistem kewangan global yang lebih inklusif dan stabil. Menjadi tanggungjawab kita semua untuk menggunakan sepenuhnya segala peluang yang ada untuk menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan dan membantu meningkatkan kualiti hidup kita semua. Kita juga perlu terus mereka semula dan memperkukuh industri agar kita boleh menjalin hubungan lebih teguh dengan pihak berkepentingan kita. Masa depan kita akan terjamin andainya kita kekal relevan.

Sidang Kemuncak Perbankan Malaysia ASLI Ke-20 "Perbankan Masa Hadapan: Pencitraan Semula Bank - Memacu Transformasi dan Inovasi" Kuala Lumpur, 26 Mei 2016

Ucaptama oleh

Datuk Muhammad bin Ibrahim
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya amat berbesar hati untuk berada pada Sidang Kemuncak Perbankan Malaysia ASLI Ke-20. Tema "Perbankan Masa Hadapan: Pencitraan Semula Bank - Memacu Transformasi dan Inovasi" adalah amat relevan ketika perubahan besar sedang dilalui oleh industri perbankan dan ekonomi yang lebih luas.

Dunia baharu masa hadapan

Walaupun sudah hampir sedekad krisis kewangan melanda, ia tetap meninggalkan kesan perubahan yang besar kepada landskap. Dengan pertumbuhan ekonomi global yang masih perlahan dan tidak sekata, semakin jelas bahawa kemelesetan yang berlaku bukan disebabkan kelembapan dalam kitaran perniagaan semata-mata, tetapi merupakan penjajaran semula susunan ekonomi dunia. Pembaharuan struktur terus dilaksanakan dalam banyak ekonomi negara maju dan ekonomi sedang pesat membangun walaupun pada kadar yang berbeza-beza merentas negara. Pembaharuan seperti ini penting kerana ia akan menyumbang kepada peningkatan prospek pertumbuhan masa hadapan. Dalam persekitaran pertumbuhan yang lemah, pihak berkuasa menghadapi cabaran yang besar dalam menguruskan kesan segera daripada beberapa pembaharuan. Keberkesanan dasar monetari di bawah dasar yang tidak ortodoks dan dasar yang tidak pernah dilakukan sebelum ini terus diuji dalam beberapa ekonomi, yang hasilnya masih dibincangkan.

Kuasa perubahan yang lebih luas juga sedang berlaku. Antara perubahan penting ialah kadar perubahan teknologi yang pantas, yang didorong oleh kuasa pemprosesan dan kesalinghubungan. Merentas pelbagai sektor, teknologi disruptif semakin pesat meluaskan jangkauan peluang ekonomi dan pada masa sama mencabar model perniagaan sedia ada. Misalnya, dalam kes perbankan, terdapat persaingan yang lebih sengit daripada peserta baharu di tengah-tengah kemunculan teknologi kewangan. Perbandaran yang pesat, yang lebih ketara dalam pasaran sedang pesat membangun, dan perubahan demografi seperti penduduk yang semakin berusia merupakan trend utama lain yang mempunyai implikasi besar terhadap keadaan ekonomi dan sosiopolitik. Pada masa yang sama, terdapat kesedaran yang semakin meningkat tentang kesan buruk daripada perubahan iklim, yang membawa kepada gesaan untuk model pertumbuhan yang lebih mampan dan inovasi.

Kesemua perkembangan yang sedang berlaku dalam industri perbankan hari ini telah mewujudkan persekitaran yang jauh berbeza berbanding dengan sebelum krisis. Dan bersama-sama dengan pelaksanaan pembaharuan pengawalseliaan di seluruh dunia pascakrisis, yang masih menjadi keutamaan, implikasinya memerlukan bank untuk berfikir dengan teliti dan mendalam untuk merancang masa hadapan.

Kesinambungan dan keutamaan dasar domestik

Industri perbankan kita sedang menghadapi persekitaran ekonomi semasa yang pesat berubah dan mencabar dari kedudukan yang kukuh, berikutan langkah pembaharuan yang berjaya dilaksanakan. Dengan tahap keterbukaan ekonomi Malaysia yang tinggi dan peningkatan integrasi dengan sistem kewangan antarabangsa, perkembangan luaran terus memberikan kesan kepada ekonomi dalam negeri. Namun, ekonomi negara telah dapat mengharungi semua cabaran ini dan kekal pada landasan pertumbuhan yang stabil pada kadar 4% hingga 6% dalam tempoh lima tahun yang lalu.

Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi menjadi sederhana sejak beberapa suku tahun kebelakangan ini. Ini disebabkan oleh beberapa kejutan luaran dan dalaman yang mempengaruhi ekonomi sejak akhir 2014. Pembaharuan dasar utama seperti pelaksanaan GST juga menyebabkan isi rumah dan perniagaan menyelaraskan perbelanjaan mereka. Menuju ke hadapan, kejutan ini secara beransur-ansur akan hilang dan pertumbuhan ekonomi Malaysia akan bertambah baik. Sokongan lanjut juga diperlukan melalui langkah Kerajaan untuk meningkatkan pendapatan boleh guna; dengan itu memudahkan isi rumah dan firma membuat penyelarasan yang berterusan. Oleh itu, penilaian yang dibuat menunjukan bahawa ekonomi akan berkembang 4% hingga 4.5% pada tahun 2016. Lebih penting lagi, sistem kewangan negara kekal bertahan dan menyokong ekonomi. Penting untuk mengenal pasti sebab-sebab asas yang menjadikan ekonomi Malaysia berdaya tahan. Daya tahan ini adalah hasil kekukuhan asas-asas yang berterusan dan kejayaan pembaharuan dan pelarasan struktur yang kita laksanakan sejak sedekad yang lalu.

Tiga perubahan kepada ekonomi telah menjadi begitu penting. Pertama, struktur ekonomi menjadi lebih pelbagai dan keadaan kebergantungan yang berlebihan kepada mana-mana industri tertentu telah dapat dikurangkan. Kedua, pertumbuhan juga menjadi lebih seimbang, didorong oleh aktiviti sektor swasta yang berterusan dengan ketidakseimbangan dan lebihan dikawal melalui langkah utama yang dilaksanakan oleh Kerajaan dan Bank Negara Malaysia selama beberapa tahun. Ini dilengkapkan dengan pembaharuan fiskal yang penting, meskipun mempunyai kesan kos jangka pendek dan sangat tidak popular, tetapi akhirnya meletakkan ekonomi pada landasan pertumbuhan yang lebih mampan. Ketiga ialah kedudukan sektor luaran negara yang terus kukuh. Ini dapat dilihat daripada paras rizab antarabangsa negara yang tinggi, tahap keberhutangan luar negeri yang terkawal dan lebihan yang berterusan dalam imbangan akaun semasa.

Bersama-sama dengan kadar pertukaran yang lebih fleksibel, perubahan ini telah mengukuhkan keupayaan ekonomi untuk menghadapi kejutan luaran dan memastikan bahawa pembiayaan kepada sektor swasta tidak terganggu.

Melangkah ke hadapan, kesinambungan dasar sektor kewangan Bank Negara Malaysia akan diteruskan. Kita akan terus mengukuhkan rangka kerja pengawalseliaan kehematan selaras dengan piawaian global, di samping memperkenalkan inisiatif pembangunan baharu dan terus memberikan lebih tumpuan terhadap layanan adil untuk pengguna kewangan. Berikutan langkah transformasi yang diambil dalam tempoh beberapa dekad yang lalu untuk mengukuhkan sistem kewangan dengan ketara, industri perbankan di Malaysia sedang menguruskan peralihan ini daripada kedudukan yang kukuh. Permodalan sistem perbankan berada pada paras tertinggi sebanyak 16.5%. Modal lebihan bank yang digabungkan melebihi paras minimum pengawalseliaan mencecah lebih RM120 bilion. Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (liquidity coverage ratio) sistem perbankan juga nyata jauh melebihi 120% berbanding dengan jumlah minimum pengawalseliaan semasa sebanyak 70%. Kedudukan yang kukuh ini telah menjadi elemen penting untuk memudahkan pelarasan yang teratur dalam peralihan ke arah piawaian global tanpa gangguan kepada pengantaraan kewangan, lantas memastikan kelancaran aliran pembiayaan kepada ekonomi.

Bagi meningkatkan potensi pertumbuhan di Malaysia, beberapa inisiatif telah dikenal pasti akan membantu meningkatkan produktiviti, meningkatkan potensi menjana pendapatan rakyat Malaysia dan memperluas peluang dalam pasaran baharu. Dengan memanfaatkan kedudukan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa yang terkemuka, usaha dilakukan untuk menggalakkan pertumbuhan kewangan Islam yang mampan dengan sokongan ekosistem dinamik yang akan mewujudkan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi. Pada masa yang sama, integrasi ASEAN kekal tinggi dalam agenda Bank Negara Malaysia.

Bagi meningkatkan kecekapan ekonomi, daya saing dan produktiviti, sasaran e-pembayaran yang ditetapkan oleh Bank Negara juga penting untuk dicapai. Kita akan terus menumpukan usaha untuk memastikan bahawa semua rakyat Malaysia boleh turut serta secara berkesan dalam sistem kewangan.

Bank Negara juga akan terus bekerjasama dengan Kerajaan dalam pelbagai keutamaan ekonomi untuk mengekalkan ekonomi Malaysia pada landasan pertumbuhan yang stabil. Ini termasuk sokongan dan pembangunan PKS yang berterusan, dan peningkatan akses kepada perumahan mampu milik. Bidang yang memerlukan perhatian dan penyelarasan yang lebih besar pada masa hadapan adalah 'ekonomi perkongsian'. Kita sudah melihat keupayaan Uber dan AirBnB yang telah mengubah model perniagaan dalam sektor pengangkutan dan hotel, dan meningkatkan potensi pendapatan untuk pemilik aset, kos yang lebih rendah untuk pengguna, serta memacu inovasi dan penambahbaikan kualiti perkhidmatan dalam kalangan penyedia perkhidmatan sedia ada. Mereka juga boleh membawa manfaat penting untuk alam sekitar melalui pengurangan pembaziran dan kawalan terhadap penggunaan yang berlebihan. Trend inovatif yang sama juga sedang berkembang dalam sektor perbankan dan kewangan. Untuk meraih manfaat daripada kemajuan teknologi, Bank Negara Malaysia akan bekerjasama rapat dengan agensi dan inovator yang berkenaan dalam bidang ini mengenai cara baharu untuk menyampaikan produk dan perkhidmatan baharu.

Saya ingin mengambil kesempatan pada pagi ini untuk berucap tentang beberapa langkah yang diambil oleh Bank Negara Malaysia untuk menyokong pertumbuhan sektor perkhidmatan kewangan, menggalakkan inovasi dan mengukuhkan daya tahan. Ucapan saya akan menyentuh tentang bidang integrasi kewangan serantau, perkembangan teknologi kewangan (fintech), tumpuan sistemik terhadap pengawalan, tadbir urus dan peranan bank untuk memastikan sistem kewangan yang inklusif.

Memacu integrasi kewangan serantau

Rangka Integrasi Perbankan ASEAN (ASEAN Banking Integration Framework, ABIF) yang dimuktamadkan pada tahun lepas ialah satu peristiwa penting ke arah integrasi ASEAN yang lebih menyeluruh. Satu perjanjian yang dimeterai antara 10 ekonomi utama pada peringkat perkembangan sistem ekonomi dan kewangan yang berbeza dengan sendirinya merupakan satu pencapaian yang membanggakan. Ini amat berbeza dengan trend global kebelakangan ini. Dalam dekad-dekad sebelum krisis kewangan 2007, integrasi kewangan global telah mengorak langkah ke hadapan apabila pasaran modal dan sistem perbankan berkembang dan menjadi pelbagai, lantas meningkatkan pergerakan modal. Tetapi akhir-akhir ini, trend ini telah beralih arah. Satu kajian terkini oleh McKinsey mendapati bahawa susulan krisis, bank di seluruh dunia telah mengurangkan sebanyak $722 bilion dalam bentuk aset dan operasi, yang hampir separuh daripadanya di luar negara. Aliran merentas sempadan juga menurun dengan ketara, kekal pada 60% daripada paras sebelum krisis. Sedikit sebanyak hal seperti ini sudah dijangka apabila pasaran menjalani pembetulan dan peraturan baharu diperkenalkan untuk menangani kelemahan dalam model untuk integrasi yang sedia ada. Krisis ini membawa kepada kuasa perubahan yang mewujudkan dua laluan yang tidak sama: pembahagian (fragmentation)

kewangan yang lebih ketara apabila struktur operasi memberikan tumpuan yang lebih sempit dan lebih domestik, atau yang beralih kepada pendekatan alternatif yang lebih mampan untuk integrasi.

Namun, integrasi ASEAN menerima pakai pendekatan integrasi yang lestari dan terus memperoleh momentum. Yang penting, pendekatan ini dilaksanakan sejajar dengan keperluan untuk integrasi sektor swasta yang lebih luas, yang seterusnya menyokong perjalanan evolusi semula jadi bagi sektor kewangan di rantau ini dan ekonomi secara keseluruhan.

Secara keseluruhan, ini telah menghasilkan pendekatan yang tersusun untuk integrasi, dengan mengambil kira keperluan negara anggota yang berbeza dan disokong oleh rangka kerja serantau dan pengaturan dua hala. Sehubungan dengan itu, risiko juga dapat diurus dengan lebih baik dengan mengekalkan tumpuan yang padu pada usaha mengukuhkan rangka kerja kehematan dan pembangunan keupayaan dan juga memberikan tempoh masa yang lebih lama kepada ekonomi untuk membuat penyesuaian terhadap keadaan baharu. ASEAN, yang mempunyai lebih 600 juta orang dengan gabungan KDNK sebanyak USD2.5 trilion dan kelas menengah yang pesat berkembang, mempunyai potensi besar untuk pertumbuhan ekonomi bagi negara anggota. Kita menjangkakan bahawa perdagangan dalam rantau akan berkembang dan seterusnya sumber pertumbuhan dan perdagangan akan menjadi lebih pelbagai.

Sejak ABIF dimuktamadkan, Bank Negara Malaysia telah menandatangani tiga Perjanjian (HOA) dengan Indonesia, Thailand dan Filipina, yang merintis jalan bagi bank dalam empat ekonomi ini untuk meningkatkan kehadiran mereka dan menyumbang kepada pertumbuhan serantau. Bank Negara Malaysia juga secara aktif melaksanakan inisiatif untuk membangunkan pasaran mata wang bersilang serantau yang berdaya maju bagi menyokong perdagangan dan pelaburan dengan mempertingkat ketersediaan pelbagai pilihan mata wang yang boleh digunakan oleh perniagaan untuk perdagangan dan penyelesaian. Malaysia dan Thailand baru-baru ini menubuhkan penyelesaian mata wang bersilang pertama dan pengaturan penjelasan antara kedua-dua negara ASEAN, mengikut peraturan yang serupa dengan China dan Korea Selatan. Melangkah ke hadapan, Malaysia terus komited terhadap usaha serantau untuk memajukan integrasi kewangan. Ini akan dipandu oleh Rangka Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN 2025, yang memberikan tumpuan pada tiga tonggak utama integrasi kewangan, rangkuman kewangan dan kestabilan kewangan di rantau ini.

Memudahkan pembangunan fintech

Saya berbesar hati untuk mengumumkan pada hari ini bahawa Bank Negara akan memperkenalkan satu rangka kerja bagi firma fintech untuk menguji inovasi dalam persekitaran operasi perkhidmatan kewangan. Awal bulan ini pada Forum Kewangan Islam Global, saya berucap secara ringkas tentang usaha Bank Negara Malaysia berkaitan dengan fintech. Sememangnya, Bank Negara Malaysia telah lama menyedari kuasa teknologi untuk memacu sektor kewangan ke hadapan. Sejak beberapa tahun ini, bank-bank telah memanfaatkan kuasa teknologi untuk meraih faedah yang besar. Bank Negara Malaysia telah menyokong perkembangan ini dalam pelbagai bidang termasuk dalam bidang pembayaran, perbankan internet, perbankan ejen, kewangan Islam dan pertukaran wang dan kiriman wang. Fintech merupakan bidang baharu yang akan dimasukkan dalam senarai ini.

Perkembangan fintech seperti *blockchain*, kecerdasan buatan (artificial intelligence) dan aplikasi biometrik kini meluaskan bidang perbankan. Kerana implikasi yang mendalam daripada teknologi baharu, kita perlu memikirkan semula rangka kerja pengawalseliaan untuk menangani isu perlindungan pengguna dan amalan pasaran serta kesan teknologi terhadap pasaran kewangan yang berfungsi dengan teratur. Kita menjangkakan bahawa rangka kerja itu akan membolehkan firma fintech menyediakan perkhidmatan kewangan yang dikawal selia secara langsung kepada

orang ramai, atau melalui perkongsian dengan institusi kewangan, dan beroperasi di bawah pengaturan pengawalseliaan yang lebih fleksibel. Kita menyedari bahawa beberapa inovasi tidak boleh dicapai dalam parameter pengawalseliaan yang sedia ada. Walau bagaimanapun, bagi melindungi kepentingan pengguna, ini akan tertakluk pada perlindungan tertentu. Inovasi perlu memberikan faedah yang jelas kepada orang ramai atau industri kewangan. Firma yang beroperasi dalam rangka kerja itu juga perlu komited untuk mematuhi piawaian perkhidmatan yang munasabah, ketelusan kepada pelanggan, pendanaan yang bersesuaian dan keperluan pelaporan. Ini bukan bermaksud untuk menyekat proses kreatif yang berlaku, tetapi memudahkan proses yang teratur di samping melindungi kepentingan pengguna dan mengekalkan keyakinan pasaran.

Bank juga menjangkakan rangka kerja ini dapat memberikan beberapa faedah utama. Ia akan memberikan pengawalseliaan yang jelas untuk firma permulaan fintech, dan bagi bank dan pengguna yang menggunakan perkhidmatan mereka. Rangka kerja ini juga akan mengurangkan halangan untuk kemasukan dan mempercepat masa ke pasaran untuk inovasi produktif. Oleh itu, matlamat kita adalah untuk menyokong firma fintech mempertingkat aktiviti mereka, dan membantu firma fintech untuk membuat jangkaan yang lebih baik dan membuat penyesuaian terhadap kehendak pengawalseliaan yang wajar.

Pengukuhan tumpuan sistemik pengawalseliaan

Rangka kerja pengawalan dan penyeliaan Bank Negara Malaysia akan terus mencerminkan peningkatan tumpuan pada risiko sistemik. Ini mengambil kira pengajaran penting daripada krisis kewangan global - bahawa lebih perhatian perlu diberikan bagi mengenal pasti dan menguruskan risiko sistemik yang timbul daripada interaksi antara institusi kewangan dengan pasaran, dan kesan secara kolektif mereka terhadap sistem kewangan yang lebih luas.

Memandangkan kesalinghubungan dalam dan luar sistem kewangan Malaysia yang mendalam, punca bagi kelemahan dan kejutan yang mungkin berlaku boleh meningkat, dengan institusi yang lebih besar dan lebih kompleks memberikan ancaman risiko yang lebih besar kepada kestabilan seluruh sistem. Piawaian kehematan Bank Negara Malaysia dan tahap penyeliaan kita akan lebih dibezakan pada masa hadapan untuk mencerminkan risiko ini. Dalam beberapa bulan kebelakangan ini, kita telah mengeluarkan dua piawaian mengenai risiko operasi dan pematuhan.

Piawaian ini mencerminkan pembezaan ini dengan menetapkan kehendak yang lebih tinggi bagi institusi kewangan yang lebih besar dan penting dari segi sistemik. Bank Negara Malaysia juga sedang menilai pilihan untuk memastikan institusi penting dari segi sistemik mempunyai penampan modal yang mencukupi; bahawa modal mereka adalah setimpal dengan risiko yang dihadapi oleh sistem kewangan yang lebih luas dan kemungkinan menghadapi kegagalan. Selain itu, kami sedang menjalankan kerjasama dengan PIDM untuk membangunkan rangka kerja penyelesaian dan pemulihan yang berkesan. Bank dijangka terus menilai dan mengenal pasti fungsi kritikal dari perspektif sistemik dalam operasi mereka, dan menyediakan rancangan di luar jangka dan pemulihan untuk mengekalkan fungsi ini di bawah senario tekanan. Bank Negara Malaysia akan melibatkan industri perbankan untuk berkongsi maklumat lanjut mengenai inisiatif ini, termasuk pendekatan pelaksanaan kami. Kertas konsep mengenai perkara ini juga akan dikeluarkan untuk ulasan.

Meninggikan tahap tadbir urus

Akhir sekali, kita akan terus meninggikan tahap tadbir urus. Peranan yang dimainkan oleh kegagalan tadbir urus dalam krisis baru-baru ini telah didokumenkan, terutamanya berkaitan dengan sistem insentif, struktur akauntabiliti dan kawalan. Lebih menyeluruh lagi, lebih penekanan juga diberikan pada aspek tadbir urus yang kualitatif seperti

norma tingkah laku, budaya dan etika korporat. Kita tidak harus lupa pengajaran ini atau sejarah akan berulang. Institusi kewangan Malaysia harus menjadi piawai emas untuk amalan tadbir urus yang baik. Kerana peranan penting mereka dalam sistem ekonomi, bank mempunyai tanggungjawab tambahan untuk mengekalkan kepercayaan dan keyakinan orang ramai.

Selain itu, kita juga mengharapkan industri perbankan untuk menjadi peneraju dalam usaha menggalakkan amalan tadbir urus yang baik secara lebih meluas di seluruh korporat Malaysia, melalui aktiviti pembiayaan dan pelaburan, atau nasihat profesional kepada pelanggan. Dalam hal ini, keutamaan pengawalseliaan yang penting bagi Bank Negara adalah untuk menyelaras insentif dengan budaya risiko yang mantap dan tingkah laku beretika, disokong oleh pengawasan bebas yang berkesan oleh ahli lembaga. Untuk tujuan ini, Bank Negara Malaysia baru-baru ini mengemukakan beberapa cadangan untuk mempertingkat rangka kerja tadbir urus korporat bagi institusi kewangan di Malaysia bagi menangani isu ini. Walaupun cadangan mengenai komposisi ahli lembaga pengarah berjaya menarik lebih banyak perhatian di media, penambahan yang paling ketara sebenarnya berkaitan dengan keperluan untuk ahli lembaga dan pengurusan kanan menentukan tadbir urus yang baik, dan tanggungjawab yang jelas diletakkan pada bahu mereka untuk memainkan peranan yang lebih penting bagi membentuk nilai teras dan budaya institusi. Ini termasuk memperluas keperluan tentang amalan saraan dan pendedahan untuk mengukuhkan disiplin pasaran. Bank juga perlu melaksanakan dasar penyampaian maklumat (whistleblowing) yang telus yang membolehkan kebimbangan disampaikan tanpa risiko tindakan balas.

Tadbir urus yang baik pada asasnya didorong oleh tenaga kerja yang komited kepada tahap tertinggi pengetahuan, kecekapan dan tingkah laku. Persaingan untuk tenaga kerja mahir dalam industri kewangan telah meningkat dengan nyata, dalam keadaan pandangan umum terhadap bank di seluruh dunia berada pada paras terendah berikutan krisis yang lalu. Trend terkini dalam kalangan graduan sekolah perniagaan terkemuka di seluruh dunia menunjukkan peralihan daripada kerjaya perbankan kepada alternatif kerjaya lain yang jauh lebih baik dari segi ganjaran, terutamanya firma teknologi dan perunding. Menurut *Financial Times*, popularity perbankan sebagai kerjaya telah menurun 41% sejak tahun 2008. Pada peringkat global, reputasi bank juga telah tercalar sedikit sebanyak disebabkan oleh kualiti perkhidmatan yang teruk, kegagalan kawalan berperingkat dan salah laku.

Oleh itu, profesionalisme dalam industri perbankan adalah kritikal untuk mengukuhkan barisan tenaga mahir dan pada masa sama memulihkan dan mengekalkan kepercayaan orang ramai terhadap industri perbankan. Satu langkah penting ke arah ini ialah transformasi Institut Bank-Bank Malaysia (IBBM) kepada Asian Institute of Chartered Bankers (AICB) sebagai badan profesional untuk ahli perbankan dan Asian Banking School sebagai penyedia perkhidmatan pendidikan. AICB memainkan peranan penting dalam usaha mengetengahkan wawasan bagi menjadikan ahli perbankan yang profesional melalui pembangunan kelayakan profesional, iaitu satu trek pensijilan khusus untuk menyokong pembangunan profesional yang berterusan dan satu rangka kerja keahlian yang menetapkan ahli untuk mematuhi kod tatalaku, profesionalisme dan etika yang ketat. Kelayakan Ahli Perbankan Berkanun (Chartered Banker) yang berprestij, contohnya, bertujuan untuk menyediakan pendidikan yang menyeluruh mengenai perbankan untuk menyokong pertimbangan dan pembuatan keputusan yang wajar. Oleh itu, pihak industri harus mengambil peluang ini sepenuhnya untuk membina satu pasukan ahli perbankan profesional yang mantap dan berupaya menjalankan tanggungjawab dengan berkesan dalam persekitaran yang pesat berubah.

Peranan asas bank untuk menyokong penyertaan kewangan yang inklusif untuk semua

Penting untuk kita mengetahui bahawa pertumbuhan dalam perkhidmatan kewangan juga perlu berperanan untuk meningkatkan peluang ekonomi kepada semua. Sejak penubuhan Rangka Kerja Rangkuman Kewangan pada tahun 2011, kemajuan besar telah dicapai untuk meluaskan akses kepada perkhidmatan kewangan di Malaysia.

Ejen perbankan merupakan strategi utama untuk meningkatkan akses, terutamanya di kawasan luar bandar. Sebanyak 92% daripada penduduk Malaysia mempunyai beberapa bentuk akses kepada pembiayaan. Melangkah ke hadapan, peningkatan akses kepada perkhidmatan kewangan bagi orang ramai akan terus menjadi penting untuk baki 8% daripada penduduk yang tidak mempunyai akses kepada perkhidmatan perbankan di Malaysia. Lebih penekanan juga akan diberikan pada kualiti perkhidmatan yang disediakan.

Kesan sosial daripada rangkuman kewangan yang lebih luas adalah penting kerana ia membantu meningkatkan kehidupan rakyat. Dalam hal ini, bank mempunyai peranan penting untuk memudahkan orang ramai untuk menyimpan, membuat bayaran dan mendapatkan pinjaman yang berpatutan bagi meningkatkan taraf hidup dan membina masyarakat yang lebih berdaya tahan. Masa hadapan perbankan yang dibincangkan tidak akan menjadi kenyataan tanpa bank memainkan peranan yang sangat asas ini.

Dengan ekonomi kita menjadi lebih bercirikan kewangan, penting bagi bank mengimbangi matlamat antara mencari keuntungan yang sah dengan tanggungjawab mereka untuk memberi orang ramai akses kepada perkhidmatan kewangan yang lengkap dan adil. Sesetengah bank hari ini masih jauh daripada jangkaan untuk menawarkan perkhidmatan perbankan asas kepada orang yang memerlukan perkhidmatan tersebut. Kami mendapati komunikasi yang lemah oleh kakitangan barisan hadapan bank tersebut tentang produk perbankan asas yang perlu ditawarkan oleh *semua* bank. Dalam sesetengah kes, syarat yang bersifat menghalang dikenakan untuk membuka akaun perbankan asas yang melanggar syarat Bank Negara Malaysia. Ini mesti berubah. Bagi menawarkan perkhidmatan perbankan asas, bank juga perlu memanfaatkan kemajuan teknologi yang boleh menyokong inisiatif kewangan yang inklusif. Ini termasuk menerima pakai saluran penyampaian yang lebih inovatif dengan memanfaatkan data besar (big data) untuk menjangkau masyarakat yang lebih luas dan menawarkan produk yang bersesuaian yang mampu dibayar.

Penutup

Dunia seperti yang kita tahu bersedia untuk mengalami perubahan besar seperti yang berlaku beberapa dekad yang lalu, namun perubahan masa depan akan berlaku dengan lebih pantas dan dalam sektor yang kita tidak jangkakan. Keupayaan bank untuk membuat penyesuaian akan menjadi kritikal bagi bank-bank untuk kekal relevan. Sering kali, bank-bank yang cekap dan mempunyai tawaran nilai yang sangat jelas kepada pelanggan mereka, masyarakat dan ekonomi yang lebih luas akan dapat bertahan lama. Tidak syak lagi, perbankan seperti yang kita lihat hari ini akan berubah bentuk pada masa hadapan. Apa yang lebih penting adalah tujuan teras perbankan kekal kukuh - iaitu untuk memantapkan sumber agar dapat digunakan dengan produktif, termasuk dalam keadaan yang paling mencabar.

Saya ingin menutup ucapan ini dengan memetik kata-kata Machiavelli ‘Tiada lagi yang lebih sukar digengam, lebih berbahaya untuk dilakukan, atau lebih tidak menentu untuk berjaya, daripada menjadi peneraju bagi memperkenalkan aturan baharu seperti ini ‘.